

Historiografi filem Melayu dalam konteks transformasi sosial dan sosiobudaya masyarakat Malaysia

ABSTRAK

Filem harus merakam dan mentafsir transformasi sosial dan sosiobudaya masyarakat. Elemen naratif seperti tema, mesej, watak dan perwatakan, latar tempat dan masa, konflik dan plot akan menggambarkan isu dan permasalahan yang berlaku dalam masyarakat. Ia menjadikan filem sebagai alat komunikasi bagi menyampaikan mesej tertentu. Sebagai cerminan sosial, mesej yang disampaikan dalam filem boleh digunakan untuk tujuan pendidikan dan panduan bagi menjadikan masyarakat yang lebih baik. Berdasarkan analisis secara historiografi terhadap filem-filem Melayu, didapati naratif filem Melayu juga memaparkan transformasi sosial dan sosiobudaya masyarakat Malaysia. Pengaruh hiburan dan ideologi Barat contohnya menyebabkan tema-tema filem Melayu ketika tahun 50-an dan 60-an banyak menyentuh isu sosial yang melibatkan hubungan kekeluargaan dan perbezaan kelas. Filem-filem seperti *Ago go 67* (1967) dan *Kaca Permata* (1966) memaparkan kebimbangan penulis dan pengarahnya terhadap sikap golongan anak muda yang suka berhibur. Filem *Penarek Becha* (1956), *Antara Dua Darjat* (1960) dan *Ibu Mertua-ku* (1962) pula menyentuh perbezaan kelas antara golongan miskin dan kaya. Peristiwa 13 Mei 1969 menyebabkan Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi merapatkan jurang ekonomi antara kaum. Langkah ini menyebabkan berlakunya transformasi sosial dalam masyarakat Melayu yang mewujudkan perubahan cara pemikiran terhadap isu yang berlaku di sekeliling mereka. Isu berkaitan pendidikan, ekonomi dan kepimpinan disuarakan melalui filem *Abang* (1981) dan *Matinya Seorang Patriot* (1984). Pemikiran mengenai sikap negatif orang Melayu dan kepentingan agama juga telah dikritik melalui filem *Kembara Seniman Jalanan* (1986). Secara keseluruhannya, walaupun terdapat filem yang menyentuh kesan transformasi sosial terhadap sosiobudaya masyarakat, tetapi bilangannya masih rendah. Kebanyakan filem Melayu yang dihasilkan masih berteraskan hiburan. Hal ini disebabkan pembikin filem dan produser masih menganggap bahawa filem adalah sebuah perniagaan berteraskan keuntungan.